

Tawar hati bakal suami

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya wanita awal 20-an yang memegang jawatan pegawai di sebuah organisasi kerajaan. Saya akan mengakhiri zaman bujang tahun depan selepas menunda tarikh perkahwinan beberapa kali.

Tunang saya juga berjawatan tinggi. Dia seorang lelaki yang baik kerana jarang meninggalkan solat, tidak pernah meninggikan suara, selalu berkata perkara yang baik, mempunyai keluarga bahagia dan anak yang bertanggungjawab kepada orang tuanya.

Mungkin kekurangan hanya pada rupa.

Malangnya, sejak akhir-akhir ini saya tidak mempunyai sebarang perasaan terhadapnya.

Sejak daripada berkawan hingga bertunang, kami jarang berjumpa dan jika berhubung melalui telefon pun, hanya berbual sekejap, mungkin kerana tiada apa hendak dibualkan.

Tunang juga sering menelefon pada waktu yang tidak sesuai.

Kurang beberapa bulan dari sekarang, kami akan melangsungkan perkahwinan tetapi saya tidak membuat sebarang persediaan sama ada mental, borang berkaitan

dan belum membeli apa-apa barang untuk majlis itu.

Rasa tidak bersedia, was-was dengan jodoh ini dan tiada perasaan dengan bakal suami yang akan dinikahi sering menghantui diri saya.

Saya risau jika bernikah tanpa keikhlasan atau sekadar mahu menjaga hati kedua-dua belah keluarga saja.

GADIS BUNTU, Kedah.

! Perkahwinan adalah satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan setiap individu. Pemilihan pasangan sering menjadi pokok utama dalam membuat keputusan kerana apa yang dipilih pada hari ini akan menentukan perkara yang terjadi pada hari esok.

Dalam proses membuat keputusan, ada kalanya anda mengabaikan beberapa aspek penting seperti ekonomi dan kekeluargaan.

Dr mengerti perasaan yang adik alami. Tawar hati dengan bakal suami adalah sesuatu yang perlu dipandang serius kerana ia bakal memberi kesan kepada perkahwinan akan datang.

Seharusnya adik perlu bersikap jujur dengan tunang mengenai perasaan adik. Jika adik bersikap jujur terhadap pasangan, ia akan

membantu menyelesaikan masalah yang membelenggu diri.

Perasaan cinta dan sayang yang sangat penting apabila membabitkan rumah tangga.

Perkahwinan memerlukan perasaan yang unik di antara suami isteri. Ia adalah satu ikatan suci untuk melahirkan generasi seterusnya.

Kasih, sayang, cinta dan ikhlas adalah satu perasaan yang apabila dikumpulkan akan menjadikan sesebuah perkahwinan itu indah dan harmoni.

Jika salah seorang daripada pasangan tawar hati atau tidak mempunyai perasaan ini, ia akan memberi kesan terhadap kebahagiaan sesebuah rumah tangga.

Mengenai keluarga adik dan tunangan pula, sebaik-baiknya adik berbincang dengan jelas perasaan adik terhadap ibu bapa adik dan pihak sebelah sana.

Jika adik jujur dan ikhlas, mungkin mereka boleh menerima keadaan ini dengan baik.

Jelaskan dengan berhemah perasaan adik dan sebarang kemungkinan jika adik meneruskan hasrat itu.



Keluarga tidak izin nikah

? Saya gadis berusia 20 tahun tapi bekerja di ibu kota. Saya mempunyai masalah dengan keluarga untuk bernikah.

Saya bertunang sebaik tamat sekolah dan pada peringkat awal, keluarga menentang kerana saya masih muda dan baru habis belajar.

Mereka menyuruh saya menunggu hingga dapat kerja manakala di pihak keluarga teman lelaki (ketika itu) hanya mahu kami bertunang setahun.

Apabila tarikh semakin kian hampir, pihak lelaki tidak memberi duit hantaran menyebabkan keluarga saya marah kerana mereka gagal datang berbincang.

Untuk pengetahuan, kami sudah lama terlanjur.

Tunang banyak memberi bantuan sejak saya belajar di sekolah kerana hubungan saya dengan keluarga tidak rapat.

Saya selalu terfikir sampai bila harus begini? Ibu bapa sangat cerewet dan mereka mahu bakal menantu pegawai kerajaan manakala tunang pula bekerja swasta.

Keluarga tunang hidup sederhana tapi ibu bapa saya agak senang. Tidak hairanlah mereka suka memperlekeh kehidupan orang susah.

Tunang pernah mengajak

kami bernikah menggunakan wali hakim tapi saya tidak bersetuju. Keluarga saya pentingkan kerja manakala pihak lelaki pula pentingkan adat. Saya tidak mahu terus bergelumang dosa dan mahu segera bernikah. Apatah lagi, kini ada seorang duda berhasrat melamar saya. Tolonglah saya.

DALAM DILEMA, Kuala Lumpur.

! Pernikahan yang ditentang keluarga adalah satu isu yang sentiasa diketengahkan dalam masyarakat. Namun restu keluarga amat penting apabila seseorang itu berkahwin. Tanpa restu ibu bapa, hidup seseorang tidak mendapat berkat.

Di dalam hal adik ini, Dr dapat melihat bahawa ibu bapa adik sangat menentang pernikahan ini kerana pekerjaan tunangan adik.

Persoalannya, adakah adik sudah berbincang hati ke hati bersama kedua-dua keluarga?

Seharusnya adik perlu faham apabila sesuatu perkara itu ditentang, ia mesti mempunyai sebab musabab tersendiri. Sama ada sebab musabab itu baik atau tidak, ia bergantung kepada adik menentukan.

Apa yang Dr boleh memberi nasihat dan cadangan di sini ialah berbincanglah dengan telus dari hati ke hati bersama ke dua-dua keluarga supaya mereka memahami apa yang tersirat di hati adik dan tunang.

Terlanjur di dalam hubungan yang tidak sah adalah satu perkara yang sangat berat tetapi Allah itu Maha Pengampun.

Bertaubat kepada-Nya dan meminta ampun atas kesalahan yang dilakukan.

Niat adik untuk melangsungkan perkahwinan kerana sedar akan kekhilafan yang dilakukan adalah perkara yang sangat baik. Nasihat Dr, betulkan niat terlebih dahulu sebelum melangsungkan perkahwinan.

Perkahwinan adalah satu ikatan yang suci yang didasari dengan niat kerana Allah. Ia bukan ikatan yang hanya berlandaskan nafsu semata-mata. Perkahwinan yang sempurna ialah perkahwinan yang didasari dengan rasa tanggungjawab pasangan kerana Allah.

Berbincang dan muhasabah diri bersama pasangan adalah jalan terbaik sebelum memulakan perkahwinan ini. Percayalah bahawa perkahwinan yang hanya berlandaskan nafsu semata tidak akan membawa kepada bahagia.

Bertaubat dengan segala kekhilafan yang lalu supaya Allah memberi petunjuk untuk perkara yang akan datang.

Adat dan agama adalah satu

perkara yang berbeza. Di dalam soal perkahwinan, agama perlu diutamakan berbanding adat. Adat hanyalah satu pengalaman oleh masyarakat sejagat manakala agama ialah suruhan daripada Allah terhadap hamba-Nya.

Disebabkan hal ini, adik perlu perjelaskan dengan terang terhadap kedua-dua keluarga.

Jika adik tidak mempunyai kekuatan untuk menerangkan hal ini, panggil seseorang yang dipercayai dan dihormati kedua-dua keluarga untuk menjelaskan hal ini.

Berkenaan dengan duda yang datang melamar, adik yang patut membuat keputusan.

Nasihat Dr, buat penilaian terlebih dahulu dalam segala keputusan yang diambil kerana hanya kita yang akan menanggung kesan daripada keputusan itu kelak.

Kesimpulannya, sebagai anak kita wajib menghormati ibu bapa kerana ada mereka kita hidup di dunia ini.

Usah berburuk sangka dan berendam dengan apa yang berlaku kerana restu mereka yang mampu menentukan kehidupan kita kelak.

Dr berdoa adik sabar dan tabah di dalam mengharungi kehidupan dan ingat bahawa Allah adalah sebaik-baik pencipta. Usah berputus asa di dalam kehidupan kerana akan ada sinar harapan apabila kita berusaha.

